

# Ramalan cukai naik tidak tepat

Oleh  
**TAJUDDIN  
SAMAN**

**KUALA LUMPUR, Sabtu.**— Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberitahu belanjawan negara yang diumumkan semalam adalah belanjawan rak-

katanya, "Banyak ramalan para pemerhati luar negeri, kononnya, cukai akan dinaikkan dalam belanjawan yang baru adalah tidak tepat." Beliau berkata demikian ketika merasmikan pembukaan Dewan Pelbagai guna berharga \$200,000 di sini hari ini.

Turut hadir ialah Datu Seri Dr Siti Hasmah, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nohar Shahabuddin, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Haji Abdullah Ismail dan lain-lain orang kenamaan. Datuk Seri Dr Mahathir berkata, "Belilangan besar belangan barang-barang cukai kepada rakyat telah dikurangkan atau dihapuskan atau dikurangkan."

"Ini," katanya, "adalah ramalan yang diberikan kepada rakyat dan ia juga dapat menyekat wang negara dari mengalir keluar kerana cukai pergi ke nega-



■ DATUK SYED NAHAR

□ **'Ini kemudahan kepada rakyat dan ia juga dapat menyekat wang negara dari mengalir keluar kerana rakyat ke negara asing membeli belah'** □

ra asing untuk membeli belah barang-barang yang harganya lebih murah di sana."

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, ramai rakyat Malaysia dan luar negeri pergi ke Singapura kerana barang-barang di sana lebih murah.

Bagaimanapun, dengan belanjawan baru ini, rakyat negara ini tidak perlu lagi keluar negeri kerana membeli barang-

barang seperti kamera, pen, pemetik api dan lain-lain, kerana barang-barang ini boleh dibeli dengan harga yang sama di negara ini sekarang.

Langkah ini juga, katanya, akan menarik lebih ramai pelancong ke negara ini.

Dengan bertambahnya perniagaan di bidang-bidang tertentu, Datuk Seri Dr Mahathir berharap para peniaga di negara ini akan mendapat kejayaan yang lebih



■ DATUK HAJI ABDULLAH

□ **'Sungguhpun kita kehilangan cukai tertentu, kita sebaliknya akan dapat memungut cukai dari peniaga yang untung besar.'** — PM □

baik dan keuntungan yang lebih besar.

"Sungguhpun kita kehilangan cukai tertentu, kita sebaliknya akan dapat memungut cukai dari peniaga untung besar," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu, pada tahun 1982 Kerajaan terpaksa berbelanja 38 peratus atau \$8,000 juta lebih banyak dari kadar belanjawan tahun 1981.

Katanya, kita

masih bernasib baik kerana punca-punca hasil yang tidak dikurangkan cukai masih cukup dan kita masih mampu meminjam pada kadar yang sederhana.

Dr Mahathir juga mengingatkan, Kerajaan bukan sahaja memberi perhatian kepada pembangunan material, tetapi perhatian yang wajar juga diberikan kepada pembangunan kerohanian.